

**Lebih 20,000 Hadir Rumah Terbuka Aidilfitri Tun Mahathir
Bernama
18 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Lebih 20,000 orang Ahad menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di kediaman mereka di sini.

Antara tetamu kenamaan yang hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Walaupun majlis bermula jam 10 pagi, ramai yang sudah tiba awal untuk beratur dan bersalaman dengan Dr Mahathir dan isteri manakala kanak-kanak pula mendapat duit raya.

Cuaca terang menjadikan suasana lebih ceria dengan orang ramai mengambil peluang bergambar dengan pasangan tuan rumah itu sambil menikmati pelbagai juadah tradisional yang disertai alunan lagu raya.

Perkhidmatan bas perantara juga disediakan untuk memudahkan orang ramai bergerak dari tempat letak kereta ke majlis berkenaan.

Antara makanan yang disajikan ialah ketupat, kuah kacang, lemag, rendang, sate, nasi minyak dan beraneka kuih.

Dr Mahathir dalam pada itu memohon maaf kepada mereka yang tidak berkesempatan bersalaman dan bergambar dengannya.

Monica Lee, 32, eksekutif pengiklanan dari Shah Alam melahirkan rasa teruja dapat bersua muka dengan Dr Mahathir yang menjadi idolanya sejak di sekolah menengah lagi.

Lee yang hadir bersama suami dan dua anaknya, masing-masing memakai baju kurung dan baju melayu berwarna merah untuk sama-sama merasai suasana hari raya.

"Kami bangun pukul 6 pagi dan terus bersiap pakai baju raya sebab tidak mahu terlepas peluang keemasan berjumpa Tun," katanya yang tiba di majlis itu pukul 9 pagi.

S.Murugiah, 46, pengusaha restoran dari Melaka berpuas hati meskipun perjalanannya ke sini mengambil masa tiga jam namun kunjungannya itu berbaloi.

"Saya gembira sangat bukan sahaja dapat bersalam dengan Tun Mahathir tapi juga bergambar dengannya. Saya akan letak di dinding rumah untuk semua orang tengok," katanya tersenyum bangga.

Adravan Abbas, 26, pelajar Iran berkata ini kali pertama dia berkunjung ke rumah terbuka dan berasa bertuah dapat melihat sambutan Aidilfitri yang dihadiri pelbagai kaum.

"Saya suka tengok baju-baju raya yang dipakai tetamu, berwarna-warni tak kira bangsa dan agama. Makanan Malaysia juga sedap dan sesuai dengan cita rasa saya," katanya yang menggemari sate dan rendang.

Sementara itu ketibaan Najib dan Rosmah di majlis rumah terbuka itu kira-kira 1.30 tengah hari disambut oleh Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah serta anggota keluarga termasuk Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz.

Perdana menteri dan isteri kemudian menikmati juadah yang disediakan yang juga dihadiri kira-kira 20,000 pengunjung daripada masyarakat pelbagai kaum dan agama serta warga asing.

Juga kelihatan hadir ialah Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970769>